

Banjir di Gua Musang, Rantau Panjang tenggelamkan kawasan sekolah

Gagal bersekolah hari pertama

Oleh KHAIRI MOHAMAD

khairi.mohamad@kosmo.com.my

KOTA BHARU – Sebanyak sebelas buah sekolah dan ribuan pelajar di Kelantan tidak dapat memulakan sesi baharu persekolahan 2012 yang bermula hari ini ekoran banjir yang melanda beberapa kawasan di negeri ini.

Pengarah Pelajaran negeri, Hussain Awang berkata, dua buah sekolah di Gua Musang iaitu Sekolah Kebangsaan (SK) Bihai dan SK Balar tidak dapat beroperasi kerana terputus hubungan.

Beliau berkata, sembilan lagi sekolah terjejas adalah di daerah Rantau Panjang iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Rantau Panjang, SK Rantau Panjang, SK Seri Rantau Panjang 1 dan 2, SJK(C) Khay Boon, SK Lubok Stoi, SK Kok Pauh, Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) Al-Falah di Siram dan SABK Diniyah, Bongor.

“Sekolah-sekolah di Rantau Panjang ditutup disebabkan air Sungai Golok semakin naik dan kawasan sekolah dilimpahi air,” katanya ketika dihubungi semalam.

Beliau berkata, pihaknya akan memaklumkan dari semasa ke semasa bila sekolah terbabit akan dibuka, bergantung kepada keadaan cuaca.

Sementara itu di **Pasir Puteh**, jumlah mangsa banjir yang dipindahkan ke tiga pusat pemindahan di daerah itu meningkat kepada 232 orang daripada 55 buah keluarga selepas rumah mereka ditenggelami air akibat hujan lebat malam semalam.

Pegawai Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) Pasir Puteh, Tamizi Endut berkata, dalam kejadian malam kelmarin sebilangan besar rumah mangsa di Kampung Wakaf Bunut, Bukit Awang, Kampung Nara, Kampung Tok Sudin, dan Kampung Gelam, dekat sini dinaiki air secara mendadak antara satu hingga empat meter.

Di **Setiu** dan **Besut**, Terengganu pula seramai 151 mangsa banjir daripada 40 keluarga masih ditempatkan di enam pusat pemindahan di kedua-dua daerah itu.

Sementara itu keadaan banjir di Segamat, Johor semakin pulih dengan seramai 60 mangsa masih berada di tiga pusat pemindahan.



ORANG ramai kelihatan meredah banjir berikutan jalan utama di antara Pasir Puteh ke Kuala Besut dinaiki air semalam.